

年中考试



UPSA 2025

学校试卷（五年级）

SET 2

- 国文/华文/英文/数学/科学/历史
- 总共 6 份各校试卷
- 备有**完整**答案



FB PAGE: 优学教育分享

WEBSITE : www.youxue.com.my

CONTACT NUMBER: 013-482 0523

**Ujian Pertengahan Sesi Akademik 2025
Bahasa Melayu Tahun 5 [Selangor]**

Nama : _____ () Keputusan : _____ %
Kelas : 5 () T/tangan Ibu : _____
Bapa

**Bahagian A
[10 markah]**

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah mesti _____ patuhi,"
nasihat Kok Seng kepada kawan-kawannya.
A. kita
B. saya
C. kami
D. kamu
2. Nabil dan kawan-kawannya _____ dengan memakai terompah gergasi.
A. menaiki
B. berjalan
C. membaca
D. menyampaikan

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.
- A. Cuaca pada hari ini panas benar.
 - B. Makanan yang dimasak oleh ibu sekali sedap.
 - C. Pantas terlalu kuda berwarna putih itu berlari.
 - D. Harga barang-barang di pasar raya itu mahal agak.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

COVID-19 ialah sejenis penyakit berjangkit yang berpunca daripada Coronavirus. Virus ini mula dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di Wilayah Wuhan, China. Penyakit ini boleh menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan.

Pencegahan awal perlu dilakukan bagi memastikan penyakit ini tidak merebak. Antaranya, kerap membasuh tangan dengan cara yang betul. Selain itu, tutup mulut dengan tisu atau tangan ketika batuk dan bersin. Penggunaan pelitup muka juga digalakkan. Pesakit COVID-19 perlu berjumpa dengan doktor jika bergejala dan menjalani kuarantin.

4. Bilakah penyakit COVID-19 mula dikesan?
- A. Seawal Disember
 - B. Sepanjang Disember
 - C. Penghujung Disember
 - D. Pertengahan Disember
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Coronavirus disebabkan oleh COVID-19.
 - B. Penyakit ini tidak boleh menjangkiti orang lain.
 - C. COVID-19 menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan.
 - D. Pencegahan awal perlu bagi memastikan penyakit ini merebak.

6. Berikut ialah langkah-langkah pencegahan awal penyakit COVID-19 berdasarkan petikan *kecuali*
- A. digalakkan menggunakan pelitup muka.
 - B. pesakit COVID-19 bebas ke mana-mana.
 - C. kerap membasuh tangan dengan cara yang betul.
 - D. menutup mulut dengan tisu atau tangan ketika batuk dan bersin.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Pertandingan Menghasilkan Kad Ucapan Hari Guru
Anjuran: SJK (C) Sungai Long

Syarat-syarat pertandingan:

- Kad ucapan yang dihasilkan mestilah menggunakan bahasa Melayu
- Kad ucapan perlu kemas dan kreatif.
- Hasil asli murid sendiri.
- Terbuka kepada murid tahap dua sahaja.
- Kad ucapan perlu dihantar selewat-lewatnya pada 20 Mei 2025.

Hadiah **Menarik** Menanti Pemenang
Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cikgu Zamri di talian
012-3456789.

Bahan 2

Wei Han seorang murid yang amat menghormati guru-guru di sekolah. Wei Han akan menyiapkan kerja sekolah dengan kemas dan tepat pada masanya. Sikapnya itu menyebabkan semua guru amat menyayangi Wei Han.

Semasa sambutan Hari Guru di sekolah, Wei Han membawa hadiah yang **menarik** untuk diberikan kepada guru kesayangannya, iaitu Cikgu Siti. Hadiah tersebut sebagai tanda menghargai jasa Cikgu Siti. Cikgu Siti amat gembira menerima hadiah daripada Wei Han.

7. Wei Han memberikan hadiah sebagai tanda _____.
- A. menarik hati Cikgu Siti.
 - B. menyayangi Cikgu Siti.
 - C. menghormati Cikgu Siti.
 - D. menghargai jasa Cikgu Siti.
8. Wei Han seorang murid yang amat menghormati guru-guru di sekolah.
- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris ialah
- A. biji.
 - B. baris.
 - C. buah.
 - D. bidang.
9. Perkataan **menarik** dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan
- A. memikat.
 - B. menerima.
 - C. menghargai.
 - D. menyayangi.
10. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A. Murid tahap dua amat gembira menerima hadiah.
 - B. Wei Han memberikan hadiah kepada Cikgu Zamri.
 - C. Tarikh akhir menghantar kad ucapan adalah pada 20 Mei 2025.
 - D. Murid yang ingin menyertai pertandingan boleh berjumpa dengan Cikgu Siti.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Alia mengikut ibunya membeli-belah di sebuah pasar raya. Ibunya ingin membeli barangan dapur. Ibu Alia memilih sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan yang segar.

Ibu Alia berbelanja secara berhemat. Barangan buatan Malaysia menjadi pilihan utama kerana harganya yang murah dan berkualiti tinggi. Alia tidak mahu membazir kerana dia tahu bahawa mereka perlu menyimpan duit untuk masa depan.

a. Alia mengikut ibunya membeli-belah di sebuah _____.
[1 markah]

b. Mengapakah ibu Alia memilih barangan buatan Malaysia?

[2 markah]

c. Gariskan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Ibu Alia memilih sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan yang segar.

[1 markah]

- d. Pilih dan tuliskan **BETUL** bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Alia tidak mahu membazir kerana dia tahu bahawa mereka perlu menyimpan duit untuk masa depan.

Alia sedar bahawa mereka tidak mahu membazir untuk menyimpan wang untuk masa depan.	
Alia sedar bahawa mereka perlu menyimpan wang untuk masa depan dan tidak mahu membazir.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Ketika Mei Lan balik dari sekolah, dia terdengar bunyi anak kucing. Dia memberhentikan basikalnya dan terus mencari-cari arah bunyi anak kucing itu. Dia ternampak seekor anak kucing yang kurus dan kelaparan di tepi longkang.


Jika kamu ialah Mei Lan, berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Pengalaman Pergi ke Dusun



1. Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.
ATAU
2. Tuliskan catatan berdasarkan gambar di atas.

